



JABATAN PENDAFTAR • DEPARTMENT OF REGISTRAR

Rujukan : UKM.PDF.100-1/3/1

Tarikh : 13 Mac 2020

PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BIL. 8/2020

DEKAN/PENGARAH/PENGETUA
FAKULTI/INSTITUT/PUSAT/KOLEJ KEDIAMAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

YBhg. Prof/Prof Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

COVID-19: PEMAKLUMAN AWAL MENGENAI PERSEDIAAN ARAHAN MENGENDALIKAN AKTIVITI PENGAJARAN, PEMBELAJARAN DAN PEPERIKSAAN SECARA ATAS TALIAN DI UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM)

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk perkara di atas.

2. Pihak Universiti mengambil perhatian yang serius mengenai kenyataan dari *World Health Organisation (WHO)* pada 11 Mac 2020 yang mengisytiharkan bahawa wabak COVID-19 telah menjadi status pandemik. Sehubungan itu, pelbagai langkah proaktif telah diambil bagi memastikan risiko penularan berada pada tahap yang rendah. Tahap keselamatan dan kesejahteraan warga kampus adalah menjadi keutamaan pengurusan Universiti pada ketika ini.

3. Merujuk kepada pengumuman yang telah dikeluarkan oleh Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), rujukan: UKM.JCN.700-5/2 bertarikh 11 Mac 2020 mengenai aktiviti pengajaran dan pembelajaran di UKM, pihak Universiti menyeru semua pensyarah bersiap sedia untuk mengendalikan aktiviti pengajaran, pembelajaran dan peperiksaan secara atas talian. Pihak Universiti sedang memantau rapi perkembangan terkini terhadap jangkitan COVID-19. Sekiranya keadaan semakin serius, Universiti akan mengeluarkan arahan untuk melaksanakan kaedah atas talian ini secara sepenuhnya.

Sukacita pihak YBhg.Prof/Prof Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dapat memaklumkan kepada semua warga di bawah seliaan masing-masing mengenai perkara ini. Semua pihak adalah dinasihatkan untuk tidak menyebarkan berita dari sumber yang tidak sahih dan dimohon untuk bertenang kerana situasi dalam kampus buat masa ini adalah terkawal. Kerjasama semua warga UKM dan sikap tanggungjawab yang dipamerkan adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

'Optimumkan Sumber, Maksimumkan Produktiviti'

Yang benar,

DR. HJH. INA MD YASIN
Pendaftar



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-8921 4888 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*



- s.k
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar)
 - Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri, Alumni & Masyarakat)
 - Bendahari
 - Penasihat Undang-Undang
 - Ketua Pustakawan
 - Pengarah Pusat Pengurusan Risiko, Kelestarian & Kesihatan Pekerjaan
 - Ketua Pusat Kesihatan Universiti
 - Merangkap Ketua Tindakan Operasi
- b.p. Jawatankuasa Tindakan Krisis UKM : Kategori Penyakit Berjangkit



CERTIFIED TO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-8921 4888 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*



www.ukm.my